



15 MAY, 2022

## BFood catat keuntungan lebih tinggi

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

# BFood catat keuntungan lebih tinggi

**KUALA LUMPUR:** Keuntungan bersih Berjaya Food Bhd (BFood) melonjak kepada RM31.58 juta dalam suku ketiga berakhir 31 Mac 2022 berbanding RM11.61 juta yang direkodkan pada suku ketiga 2021.

Syarikat itu dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia berkata pendapatannya meningkat kepada RM246 juta daripada RM181.73 juta sebelumnya.

"Pertambahan hasil sebanyak 35 peratus ini disebabkan oleh pertumbuhan jualan kedai yang lebih tinggi, terutamanya kafe Starbucks susulan pergerakan yang lebih baik berikutan penyambungan semula pelancongan domestik dan kelonggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun kewangan 2022,

BFood mencatatkan hasil yang lebih baik berjumlah RM706.47 juta berbanding RM536.55 juta semasa sembilan bulan pertama 2021.

Ia juga telah mengisytiharkan dividen interim ketiga sebanyak 1.50 sen dividen satu peringkat sesaham, bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022, yang akan dibayar menjelang 23 Jun 2022.

"Sementara itu, jumlah dividen yang diisytiharkan bagi suku ketiga 2022 berjumlah 3.50 sen dividen satu peringkat sesaham.

"Peguna sudah kembali normal apabila kami bergerak ke arah tahap endemik, jadi kami berharap dapat meneruskan momentum pertumbuhan positif ini apabila kami memasuki suku keempat 2022," kata Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Sydney Quays.

— Bernama



15 MAY, 2022

## BFood catat keuntungan lebih tinggi

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Keuntungan bersih Berjaya Food Bhd (BFood) melonjak kepada RM31.58 juta dalam suku ketiga berakhir 31 Mac 2022 berbanding RM11.61 juta yang direkodkan pada suku ketiga 2021. Syarikat itu dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia berkata pendapatannya meningkat kepada RM246 juta daripada RM181.73 juta sebel.umnya.